



KENYATAAN MEDIA

MEDIA SELANGOR SERTAI KARNIVAL HAWANA 2025 BUAT PERTAMA KALI

KUALA LUMPUR, 13 Jun 2025 – Sempena sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2025, BERNAMA akan menganjurkan Karnival HAWANA selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Jun 2025, Jumaat hingga Ahad bertempat di Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur.

Karnival ini merupakan sebahagian daripada pengisian acara tahunan HAWANA yang bertujuan menghargai peranan dan sumbangan wartawan serta organisasi media dalam pembangunan negara. Lebih dari itu, karnival ini dirancang bagi memperkukuh hubungan antara komuniti media, masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan melalui pelbagai aktiviti interaktif, pendidikan dan hiburan.

Menariknya, Media Selangor akan turut serta buat julung kalinya dalam karnival ini dengan membuka booth sepanjang tiga hari acara berlangsung. Para pengunjung berpeluang mengenali lebih dekat peranan dan kandungan penerbitan akhbar dan digital Media Selangor serta berinteraksi bersama warga editorial.

Lebih istimewa, Media Selangor juga akan menganjurkan satu sesi wacana khas bertajuk “Amanah, Algoritma & AI: Bilik Berita Era Baharu”

Sesi Bicara Semasa ini bakal mempertemukan tiga figura penting dalam landskap media Malaysia, Mohamad KhairulNizam Bakeri, Pengarang Kanan Media Selangor, Hilal Azmi, Ketua Media Sosial Astro AWANI, Nabihah Hamid, Pengarang Media Selangor

Sesi ini akan mengupas persoalan penting mengenai bagaimana bilik berita hari ini bergelut antara kepercayaan awam, tekanan algoritma dan ledakan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Media Selangor mengalu-alukan kehadiran orang ramai, warga media serta pelajar untuk bersama dalam sesi yang pasti membuka ruang wacana segar tentang masa depanewartawanan di Malaysia.

####

Mengenai Media Selangor

Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) ditubuhkan pada 18 Februari 2009 melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan merupakan salah sebuah anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

MSSB berperanan sebagai media rasmi kerajaan negeri Selangor bagi mewujudkan sistem komunikasi berkesan antara kerajaan negeri dan rakyat dalam menyebarkan mesej-mesej dan dasar-dasar pentadbiran kerajaan negeri.



Dengan slogan “Terbaik Selangor Semuanya Di Sini”, MSSB menyampaikan maklumat terkini dan inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan negeri kepada seluruh rakyat Selangor melalui pelbagai rangkaian platform seperti surat khabar, portal, TV digital, aplikasi mudah alih dan papan iklan digital.

Media Selangor menguruskan akhbar dan portal berita dalam empat Bahasa iaitu – SelangorKini, Selangor Journal, SelangorKini Mandarin, dan Selangorkini Tamil termasuk TV digital – Selangor TV.

Media Selangor juga menawarkan perkhidmatan pengiklanan media menyeluruh seperti promosi jenama dan produk, fotografi dan videografi korporat, penerbitan audio dan video, penciptaan kandungan, editorial korporat, dan penulisan iklan.

Dapatkan berita terkini dan tontonan menarik melalui pelbagai saluran kami di pautan berikut:

 SELANGORKINI (Edisi Bahasa Melayu, Mandarin, dan Tamil)	https://selangorkini.my/ https://selangorkini.my/zh-hans/ https://selangorkini.my/ta/
 SELANGOR JOURNAL (Edisi Bahasa Inggeris)	https://selangorjournal.my/
 SELANGORTV	https://www.youtube.com/@SelangorTV
 KAYPOH MEDIA	https://www.kaypoh.my/ http://www.youtube.com/@kaypohmedia
MEDIA SOSIAL MSSB	Facebook: Media Selangor Instagram: @mediaselangor X: @Media_Selangor TikTok: @selangortv YouTube: @selangortvmy

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mahadi bin Mohd Mustafa

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat
Media Selangor Sdn Bhd
HP: 011-31843404
Emel: mahadi@mediaselangor.com

Che Wan Nurfadhlina Che Wan Mohd Fadzli

Eksekutif, Komunikasi Korporat
Media Selangor Sdn Bhd
HP: 011-13006683
Emel: nurfadhlina@mediaselangor.com